



Ruj.Kami : PTSB/PENT/PEL201 JLD.5 (69)  
Tarikh : 14hb. Oktober 2021

Pelajar  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Saudara/Saudari,

**KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS BAGI MENGHADIRI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SESI 1 2021/2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengumumkan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus secara berperingkat seperti yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bermula 15 Oktober 2021.

3. Untuk makluman, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSb) membuat penetapan kesemua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dijalankan secara hibrid (dalam talian dan bersemuka). Kursus-kursus yang berbentuk teori dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Manakala bagi aktiviti PdP berbentuk amali/bengkel/projek akan dijalankan secara bersemuka dan berfasa mengikut jadual di bawah.

Fasa	Pelajar	Tempoh Pelaksanaan PdP Secara Bersemuka
Fasa 1	Sem 1, Sem 3 dan Sem 5	7 Nov. 2021 hingga 4 Dis. 2021 (4 minggu)
Fasa 2	Sem 2 dan Sem 4	5 Dis. 2021 hingga 1 Jan 2022 (4 minggu)

4. Kebenaran hadir ke kampus secara fizikal hanya **terhad kepada pelajar yang lengkap menerima vaksin sahaja** (lebih daripada 14 hari selepas dos kedua bagi vaksin jenis *Pfizer*, *AstraZeneca* dan *Sinovac*, atau 28 hari selepas dos pertama vaksin jenis *Cansino* dan *Johnson & Johnson*). Pengecualian hanya diberikan kepada pelajar yang mempunyai masalah kesihatan dan perlu dibuktikan dengan perakuan daripada pengamal perubatan dari Kementerian Kesihatan

Malaysia (Kerajaan). Pelajar yang masih belum menerima vaksin dipohon untuk hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang berdekatan secara *walk-in*.

5. Pelajar-pelajar boleh membuat permohonan untuk menduduki asrama, namun **keutamaan diberikan kepada pelajar semester 1** dan tertakluk kepada kekosongan asrama. Bagi melancarkan aktiviti PdP, Pelajar senior dinasihatkan untuk menyelesaikan urusan berkaitan rumah sewa sebelum PdP bersemuka bermula. Bersama-sama ini juga disertakan lampiran-lampiran untuk perhatian dan tindakan semua pelajar.

- i. Jadual dan tatacara bayaran yuran asrama.
- ii. Borang Akuan Deklarasi Vaksin.
- iii. SOP lapor diri kemasukan pelajar ke kampus sesi 1 2021/2022.


6. Pelajar-pelajar juga dinasihatkan untuk merujuk kepada Penasihat Akademik (PA) masing-masing untuk mendapatkan perincian sesi PdP. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PTSB di talian 04-403 3333 samb. 2164/2166.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. HJ ABD LATIF BIN AHMAD)**

Pengarah

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

s.k

1. Timbalan Pengarah Akademik
2. Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
3. Ketua-Ketua Jabatan JKA/JKE/JKM/JP/JMSK/JPA/JSKk/JHEP
4. Ketua-Ketua Program
5. Ketua Unit Latihan Industri
6. Ketua Unit Peperiksaan
7. Ketua Warden
8. Ketua Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi
9. Ketua *Student Excellence Unit*
10. Ketua Unit Keselamatan
11. Ketua Unit Pengurusan Psikologi
12. Pengurus Asrama

## JADUAL & TATACARA BAYARAN YURAN ASRAMA

Tarikh Mohon Asrama	Keputusan Permohonan Asrama	Tarikh Daftar Masuk ke Asrama	Jumlah Bayaran Asrama	Kaedah Bayaran
13 Okt – 21 Okt 2021	27 Okt 2021	5 & 6 Nov 2021	RM32.90	JomPay

### NOTA :

1. **Permohonan asrama** dibuat secara atas talian melalui **i-Kamsis** di dalam **SPMP**.
2. Semua pelajar yang ditawarkan tinggal di asrama perlu menjelaskan **bayaran asrama** sebelum hadir pada tarikh tersebut secara atas **talian (online banking)** menggunakan menu **JomPay SAHAJA**. Sila bawa cetakan resit bayaran tersebut semasa hari pendaftaran asrama. **Sila patuhi masa dan tarikh pendaftaran seperti yang telah dinyatakan di dalam jadual di atas.**
3. Jumlah bayaran asrama **RM32.90** hanya terpakai bagi **Sesi 1 2021/2022 SAHAJA**.

## TATACARA BAYARAN YURAN ASRAMA MELALUI JOMPAY

**Langkah 1:** Log Masuk ke mana-mana Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking*




**Hello,**

Please key in your username:

Please key in your password:

Langkah 2: Pilih *JomPay* pada menu *Pay Bills*



Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

- i) *Biller Code: 991018*
- ii) *Reference 1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar (tanpa simbol -, contoh:030808045577)*
- iii) *Reference 2: Nombor Telefon Pelajar (tanpa simbol -, terhad kepada 20 aksara)*
- iv) *Jumlah: RM32.90*

The screenshot shows the JomPAY payment form. It has a header with the JomPAY logo and a "From:" dropdown menu labeled "Select an Account". Below the header, there is a section titled "Please key in the necessary:". This section contains four input fields: "Biller Code:", "Ref-1:", "Ref-2:", and "Amount (RM):". The "Ref-2:" field has a note "Enter if available" next to it. To the right of each input field, there is a blue arrow pointing to the field, with a label: "billercode" for Biller Code, "rrn" for Ref-1, "rrn2" for Ref-2, and "amount" for Amount (RM). At the bottom of the form, there are two buttons: "Cancel" and "Submit".

**Langkah 4:** Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran.  
**Pastikan bayaran adalah daripada akaun simpanan SAHAJA.**  
**Pastikan anda masukkan biller code yang betul (991018).**

The screenshot shows the JomPAY interface for confirming a payment. At the top left is the JomPAY logo. Below it, the text reads "From : 745839932 – Savings Account". A horizontal dotted line separates this from the biller information. The biller information includes "Biller Code : 991018 - PTSB", "Ref-1 : 03xxxxxxxxxx", and "Ref-2 : 01xxxxxxxxxx". Another horizontal dotted line follows. The amount is displayed as "Amount (RM) : RM32.90". At the bottom, there are two buttons: a red "Back" button and a green "Confirm" button. Blue arrows on the right side of the screen point to these elements with labels: "billercode and billercodename" points to the Biller Code, "rrn" points to the Ref-1 field, "amount" points to the Amount (RM) field, and "confirm" points to the Confirm button.

**Langkah 5:** *Unique JomPay Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

Pelajar diwajibkan menyimpan resit janaan sistem berformat PDF dan mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran asrama.



## BORANG DEKLARASI VAKSIN PELAJAR POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH SESI 1 2021/2022

Saya dengan ini bersetuju bahawa:

1. Saya telah lengkap menerima vaksin. (lebih daripada 14 hari selepas dos kedua bagi vaksin jenis *Pfizer*, *AstraZeneca* dan *Sinovac*; atau 28 hari selepas dos pertama vaksin jenis *Cansino* dan *Johnson & Johnson*)
2. Saya bukan simptomatik, bukan kontak rapat pesakit positif COVID-19 dan saya bukan individu dalam pemantauan kesihatan.
3. Saya akan mengikut peraturan dan arahan-arahan yang diberi oleh Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dalam membendung risiko COVID-19 dari semasa ke semasa.
4. Saya faham sepenuhnya dan sedar bahawa saya mungkin akan diarahkan untuk berpindah/bertukar bilik jika diperlukan mengikut arahan pihak pengurusan Kolej Kediaman.
5. Saya faham sepenuhnya dan sedar bahawa saya mungkin tidak dibenarkan untuk pulang ke rumah sepanjang semester mengikut ketetapan situasi semasa pandemik COVID-19 di negara dan di daerah kampus.
6. Saya akur dan patuh dengan sebarang langkah kawalan risiko pandemik COVID-19 yang dilaksanakan oleh pihak Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan pihak berkuasa berkenan demi memastikan kesihatan saya dan komuniti setempat terjamin.

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PELAJAR)

NAMA PENUH : \_\_\_\_\_

NO. KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_

NO. KAD PELAJAR : \_\_\_\_\_

NO. TELEFON : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

Peringatan: Borang ini perlu dibawa dan diserahkan kepada Penasihat Akademik pelajar untuk diserahkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PTSB untuk rekod.

**SOP LAPOR DIRI KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS  
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH SESI 1 2021/2022**

1. Pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus Pesakit Bawah Siasatan (*Patient Under Investigation – PUI*) dan Pesakit Dalam Pemantauan (*Person Under Surveillance – PUS*). **TIDAK DIBENARKAN HADIR MENDAFTAR**. Sila maklumkan segera kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB).
2. Pelajar dibenarkan kembali ke kampus **kecuali pelajar dari lokaliti yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** dan negeri yang menguatkuasakan larangan pergerakan **TIDAK DIBENARKAN** kembali ke kampus.
3. Pelajar yang **lengkap vaksin dan melepasi tempoh keberkesanan vaksinasi** (14 hari selepas dos kedua bagi vaksin jenis *Pfizer, AstraZeneca* dan *Sinovac*, atau 28 hari selepas dos pertama vaksin jenis *Cansino* dan *Johnson & Johnson*) sahaja dibenarkan masuk ke kampus.
4. Pelajar **lengkap vaksin dan melepasi tempoh keberkesanan vaksinasi** juga dibenarkan masuk ke kampus untuk menggunakan kemudahan/fasiliti yang ada di PTSB bermula pada 15 Oktober 2021.
5. Pelajar wajib mendaftar masuk (*check in*) aplikasi **MySejahtera** dan menunjukkan **Sijil Digital Vaksinasi** yang telah lengkap setiap kali memasuki kawasan kampus.
6. Pelajar wajib memuatnaik **Sijil Digital Vaksinasi** masing-masing melalui pautan <http://tinyurl.com/8j67yx>
7. Kaedah perjalanan yang dibenarkan adalah:
  - a) Pelajar memandu kenderaan sendiri, atau
  - b) Pelajar dihantar oleh ibubapa/penjaga yang telah lengkap vaksin, atau
  - c) Pelajar berkongsi kenderaan (bersama pelajar PTSB sahaja) dengan pemandu an penumpang yang telah lengkap vaksin, atau
  - d) Pengangkutan udara.
8. Pelajar/waris diwajibkan **memakai pelitup muka** sepanjang berada di dalam kawasan kampus PTSB dan menjalani pemeriksaan suhu di lokasi yang ditetapkan. Individu dengan suhu badan  $>37.5^{\circ}\text{C}$  atau mempunyai gejala batuk, selesema, sakit tekak atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk.
9. Pelajar perlu memastikan **tangan dibersihkan dengan kerap** dengan sabun dan air atau *hand sanitizer* terutama ketika berurusan.
10. Bagi pelajar yang melapor diri di asrama PTSB, waris hanya dibenarkan menurunkan pelajar dan barangan di lokasi *drop point* yang ditetapkan sahaja. Waris tidak dibenarkan mengiringi pelajar masuk ke dalam kawasan kediaman asrama.
11. Pelajar perlu mencetak dan melengkapkan **Borang Akuan Deklarasi Vaksin** di pautan <http://tinyurl.com/8j67yx> dan serahkan kepada Penasihat Akademik masing-masing.
12. Semua barangan pelajar akan melalui proses **sanitasi**. Lindungi peralatan sensitif dari terkena semburan air sanitasi.
13. Sepanjang berada di kawasan kampus, pelajar perlu mengamalkan **penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter** dan **mengelak 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat)** mengikut Garis Panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
14. Pelajar yang **tidak ditawarkan penempatan** di asrama boleh merancang pergerakan lebih awal bermula 15 Oktober 2021 bagi memudahkan urusan mendapatkan rumah sewa.
15. Pelajar digalakkan untuk menjalani ujian sendiri COVID-19 seawal 2 hari sebelum hadir ke kampus.
16. Sebarang perubahan garis panduan ini tertakluk kepada arahan semasa pihak berkuasa.
17. Sebarang pertanyaan berkaitan urusan laporan diri boleh berhubung melalui:
 

**Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Telefon : 04-403 3333 samb. 2164/2166**